

## Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Program J-Qaf

***Mohd Izzuddin Mohd Pisol<sup>1</sup>, Azmil Hashim<sup>1</sup> & Kamarulzaman Abd. Ghani<sup>2</sup>***

*Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris<sup>1</sup>, Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan<sup>2</sup>*

*mohdizzuddin@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Komponen asas guru j-QAF yang berkesan memerlukan kepada kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran, penguasaan ilmu pengetahuan, motivasi diri dan personaliti yang positif. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam menjalankan Model Tasmik di sekolah kebangsaan. Sampel kajian ini terdiri daripada 422 orang guru j-QAF. Dapatkan kajian ini diperoleh menggunakan kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Sebanyak 22 item telah diuji dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Hasil dapatan kajian menunjukkan 19 item berada pada tahap tinggi dengan min antara (4.01 hingga 5.00), manakala 2 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01-4.00). Dapatkan keseluruhan menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru berada pada tahap yang tinggi iaitu (min=4.27, sp.=0.392). Diharapkan kajian ini mampu menjadi panduan dalam memperbaiki dan memantapkan lagi perlaksanaan pengajaran guru j-QAF yang telah sedia ada dan menyelesaikan permasalah yang timbul, disamping menjadi panduan kepada guru j-QAF dalam mempertingkatkan kesediaan guru yang mampu menghasilkan pengajaran yang berkesan.

### **ABSTRACT**

Effective j-QAF teachers must acquire effective teaching and learning skill, master the knowlegde, self-motivated and exemplarizing positive personalities as their fundamental components. The study is aims to identify teacher's readiness level in running a Tasmik Model in national schools. The research samples comprised of 442 j-QAF teachers. The results are obtained from surveying using questionnaires as the instrument. An exact of 22 items have been tested and analyzed by descriptive statistics. The results revealed 19 items are in high level with the mean ranging from 4.01 to 5.00, 2 items in upper moderately level (mean: 3.01 – 4.00). Overall, teacher's readiness level is high with mean equals 4.27 and standard deviation 0.392. It is hoped that this study can serve as a guide in improving and strengthening the implementation of the Tasmik Model among j-QAF teachers and could resolve problems and could be the guide for teachers to improve the j-QAF programme which is able to generate the readiness of effective teaching.

### **PENDAHULUAN**

Program j-QAF ini merupakan cetusan idea Mantan Perdana Menteri Malaysia Kelima Dato' Seri Haji Abdullah Ahmad Badawi dalam satu perjumpaan bersama ulama dan pegawai-pegawai agama pada 24 Disember 2013 yang bertempat di Kuala Lumpur yang menyentuh aspek khatam al-Quran, mewajibkan pembelajaran bahasa Arab dan menekankan aspek penghayatan amalan fardu ain. Harapan tersebut diulangi semasa lawatan beliau ke Kementerian Pelajaran Malaysia pada 30 Disember 2003 (Dangiran 2004). Seterusnya, beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah diadakan bagi memperhalusi cetusan idea tersebut. Akhirnya, satu Seminar Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan dan fardu Ain (j-QAF) peringkat kebangsaan pada 3 - Mac 2004 telah diadakan bagi membentangkan beberapa cadangan model yang bakal dilaksanakan sebagai projek rintis sebelum ianya dilaksanakan

secara berperingkat-peringkat pada tahun 2005 (Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam & Moral, KPM 2005). Pelaksanaan Program j-QAF telah dimaklumkan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2004 dengan memaklumkan bahawa program j-QAF akan dilaksanakan melalui tahun 2005 yang melibatkan murid tahun 1 di sekolah-sekolah rendah terpilih. Seterusnya program ini akan dilaksanakan di sekolah lain secara berperingkat-peringkat. Antara model-model yang dicadangkan ialah model kelas pemulihan jawi, model khatam al-Quran, model tasmik al-Quran, model perluasan bahasa Arab. Perluasan program j-QAF ke semua sekolah rendah pada tahun 2013 telah dimaklumkan melalui Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 35/2012. Perluasan program ini melibatkan guru j-QAF dan guru Pendidikan Islam.

## **PELAKSANAAN MODUL TASMIK (PPK 2006)**

Model Tasmik Khatam al-Quran ialah satu program membimbing dan merekod perkembangan bacaan al-Quran murid secara individu berdasarkan program yang diaturkan bagi membolehkan murid khatam al-Quran semasa berada di Sekolah Kebangsaan. Ia dilaksanakan di luar jadual waktu sekolah. Objektif Model Tasmik ialah murid dapat membaca al-Quran dengan bertajwid dan dapat mengkhatamkan bacaan al-Quran 30 juzuk. Kumpulan sasarannya adalah semua murid yang beragama Islam tahun satu hingga tahun 6 sekolah rendah.

Strategi Pelaksanaan Model Tasmik adalah semua murid hendaklah menggunakan al-Quran rasm Uthmani yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap murid perlu mempunyai guru tasmik yang dilantik oleh pihak sekolah. Guru tasmik terdiri daripada Guru j-QAF. Pihak sekolah boleh melantik guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan al-Quran untuk terlibat dalam program ini. Murid yang telah khatam al-Quran boleh jadi pembantu kepada guru pembimbing. Guru tasmik hendaklah membimbing bacaan dan merekod bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan setiap kali ditasmik. Murid yang masih tidak dapat membaca al-Quran perlu dibimbing secara berterusan menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai seperti Kem Literasi Al-Quran, kelas tambahan dan sebagainya oleh guru j-QAF dan Guru Pendidikan Islam.

Setiap murid mesti memiliki Buku Rekod Bacaan al-Quran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru j-QAF hendaklah menilai dan mengesahkan pencapaian murid sekurang-kurangnya sekali seminggu dalam Buku Rekod bacaan. Guru j-QAF hendaklah memastikan murid-murid mendapat bimbingan dari guru pembimbing sebelum penilaian dilaksanakan. Murid-murid yang cemerlang boleh meneruskan bacaan tanpa terikat dengan agihan juzuk yang dicadangkan. Bagi melaksanakan agihan yang dicadangkan, murid digalakkan membaca al-Quran setiap hari supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada kualiti bacaan. Ini penting terutama bagi murid yang belum menguasai bacaan. Murid boleh membaca dan tasmik bacaan al-Quran pada masa-masa yang sesuai (luar jadual waktu) seperti:

- i. Waktu pagi bagi sekolah sesi petang.
- ii. Waktu petang bagi sekolah sesi pagi.
- iii. Waktu ko-kurikulum.

Guru Tasmik bertanggungjawab membimbing murid sehingga khatam al-Quran, mencatat setiap kali bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan, mengenal pasti kelemahan dan membuat pemulihan dan mengambil langkah-langkah menyelesaikan masalah yang timbul. Secara keseluruhannya pelaksanaan model tasmik memerlukan kerjasama daripada semua pihak terutamanya guru pembimbing untuk memastikan program ini berjaya dengan cemerlang.

## PENYATAAN MASALAH

Perlaksanaan Model Tasmik membosankan kerana ianya hanya bersifat statik dan berlaku di dalam kawasan sekolah dan kurang dijalankan di luar kawasan sekolah seperti di masjid dan surau (Amal Hayati, 2012). Kekangan masa perlaksanaan Model Khatam al-Quran dan Model Tasmik tidak mencukupi (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2012). Disamping itu, perlaksanaan program tasmik diadakan berlainan antara sekolah sama ada dalam waktu sekolah atau di luar waktu sekolah. Sekiranya dilaksanakan dalam waktu sekolah akan menyebabkan murid perlu datang lebih awal ke sekolah atau masa dianjakkan kepada waktu pulang pelajar. Manakala, pelaksaaan diluar waktu sekolah akan menyebabkan bebanan kepada guru, pelajar dan pentadbir sekolah (Norliza et. al.,2013). Sekiranya tasmik dijalankan pada waktu petang menyebabkan kehadiran murid ke Sekolah Rendah Agama (SRA), Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) serta kelas tambahan terganggu. Akhirnya menyebabkan pihak pentadbir sekolah mengalami kesukaran menyusun waktu tasmik yang bersesuai dengan semua murid (Mohd Azmir & Mohd Azrani, 2009). Kajian yang dijalankan mendapati masih terdapat dalam kalangan guru-guru j-QAF yang tidak menerima latihan dan kursus Iqra dengan secukupnya menyebabkan perlaksanaan amalan pengajaran Iqra tidak mengikut kaedah yang sebenarnya (Mohammad Naim 2008). Dapatkan ini disokong oleh Ibrahim et al (2009), yang menyatakan bahawa guru j-QAF memerlukan kursus yang berterusan. Disamping itu, kajian lepas mendapati bahawa guru j-QAF kurang mahir menggunakan peralatan ICT, kurang mahir menggunakan teknik-teknik pengajaran yang dicadangkan dalam model j-QAF serta kurang mahir dalam bidang pedagogi, mengawal kelas dan merumus pelajaran. Permasalah ini wujud kerana kesukaran mendapatkan ABM/BBM yang sesuai dan ketidakcukupan ABM (Misnan Jemali et. al 2013). Guru j-QAF perlukan menerapkan elemen amalan dalam pengajaran (Fathiyah et. al 2013). Guru tergesa-gesa menghabiskan sukanan pelajaran dalam masa yang singkat. Disamping bilangan murid yang terlalu ramai dan beban melaksanakan aktiviti selain pengajaran menyebabkan tugas pengajaran terganggu. Tambahan itu, guru j-QAF dilibatkan dengan aktiviti tambahan seperti guru ganti, acara rasmi, mengawas disiplin murid, menceriakan bilik darjah dan menganggotai sesebuah jawatankuasa (Asmawati Suhid 2013). Kajian ini disokong oleh Nashitah et. al 2013 yang menyatakan bahawa guru j-QAF dibebankan dengan tugas sebagai guru ganti, diarah mengajar mata pelajaran lain dan terpaksa mengantikan guru pendidikan Islam yang cuti bersalin (Nashitah et. al 2013).

## OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menganalisis tahap kesediaan ilmu pengetahuan guru j-QAF dalam menjalankan model tasmik.
- ii. Menganalisis tahap kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam menjalankan model tasmik.
- iii. Menganalisis tahap kesediaan personaliti guru j-QAF dalam menjalankan model tasmik.
- iv. Menganalisis tahap kesediaan motivasi guru j-QAF dalam menjalankan model tasmik.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang telah dijalankan di sekolah kebangsaan di Malaysia. Ianya melibatkan 422 orang guru j-QAF yang mengajar model tasmik yang dipilih secara rawak. Soal selidik ini dibina berdasarkan elemen kesediaan seperti ilmu pengetahuan, kemahiran mengajar, personaliti dan motivasi guru. Reka bentuk kajian ini bersifat kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (*survey*). Soal selidik kesediaan guru daripada elemen ilmu pengetahuan mengandungi

4 item, elemen kemahiran mengajar guru mengandungi 6 item, elemen personaliti mengandungi 6 item dan elemen motivasi guru mengandungi 4 item. Data yang dikumpulkan daripada tinjauan soal selidik yang telah dianalisa menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial-Versi 19.0 (SPSS for Windows 19.0). Data ini dihuraikan dengan menggunakan statistik deskriptif dengan menggunakan kekerapan, sisihan piawai dan skor min bagi setiap item.

## **TABURAN RESPONDEN**

Jadual 1 menunjukkan taburan responden guru j-QAF. Berdasarkan kepada jantina guru j-QAF terdapat 107 orang lelaki dengan nilai min ilmu pengetahuan guru ialah 3.95, nilai min kemahiran mengajar ialah 4.29, nilai min personaliti ialah 4.33 dan nilai min bagi motivasi adalah pada nilai 4.23. Manakala bagi guru j-QAF berjantina perempuan, terdapat 315 orang dengan nilai min ilmu pengetahuan ialah 3.88, min kemahiran mengajar ialah 4.25, min personaliti ialah 4.31 dan min bagi motivasi guru adalah 4.23. Kesimpulannya, bilangan responden lelaki lebih sedikit berbanding responden perempuan. (sila rujuk Jadual 1)

**Jadual 1 Taburan Responden Guru j-QAF**

Komposisi Responden	Ilmu Pengetahuan	Kemahiran Mengajar	Personaliti	Motivasi
Lelaki (107)	3.95 (sp.=0.814)	4.29 (sp.=0.438)	4.33 (sp.=0.499)	4.23 (sp.=0.438)
Perempuan (315)	3.88 (sp.=0.803)	4.25 (sp.=0.460)	4.31 (sp.=0.471)	4.22 (sp.=0.453)
Keseluruhan(422)	3.90 (sp.=0.805)	4.26 (sp.=0.454)	4.31 (sp.=0.478)	4.23 (sp.=0.449)

Sumber: Kajian Lapangan, 2013

## **ANALISIS DESKRIPTIF**

Bahagian ini akan menjelaskan dapatan kajian yang dianalisis secara deskriptif terhadap item-item dalam instrumen mengikut elemen-elemen berikut: ilmu pengetahuan (4 item), kemahiran mengajar (6 item), Personaliti (6 item) dan Motivasi (4 item).

### **Tahap Kesediaan Ilmu Pengetahuan Guru J-QAF Dalam Menjalankan Model Tasmik**

Berdasarkan jadual di bawah, skor min bagi model tasmik pada keseluruhannya berada antara nilai 4.48 hingga 3.77. Sebanyak 3 item berkaitan pengurusan model tasmik mencapai skor min yang tinggi (min=4.01) ke atas, 1 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01) ke atas.

**Jadual 2:** Analisis deskriptif bagi ilmu pengetahuan guru Model Tasmik

No	Item	Kekerapan & Peratus(N=442)						Min	SP	IN T
		STS	TS	KS	S	SS				
DB 1	memahami pelaksanaan tasmik objektif model	-	-	1 (0.2%)	215 (50.9%)	206 (48.8%)	4.48	0.52	T 7	
DB 2	memahami dengan jelas cara melaksanakan model tasmik	-	-	4 (0.9%)	221 (52.4%)	197 (40.0%)	4.45	0.51	T 7	
DB 3	berkemampuan dalam memperbetulkan bacaan al-Quran murid	2 (0.5%)	2 (0.5%)	4 (0.9%)	217 (51.4%)	197 (46.7%)	4.43	0.59	T 2	
DB 4	mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid	18 (4.3%)	35 (8.3%)	110 (26.1%)	119 (28.2%)	140 (33.2 %)	3.77	1.12	ST 3	
Min Keseluruhan pelaksanaan ilmu pengetahuan guru Model Tasmik Program j-QAF							4.28	0.68	T 9	

Sumber: Kajian Lapangan, 2013

Perincian skor min mendapati bahawa item DB1 mencatatkan min yang tertinggi (min=4.48) iaitu seramai 206 orang guru (48.8%) sangat bersetuju dan 215 orang guru (50.9%) bersetuju memahami objektif pelaksanaan model tasmik berbanding 1 orang guru (0.2%) yang kurang bersetuju. Manakala skor min yang kedua tertinggi ialah item DB2 iaitu “memahami dengan jelas cara melaksanakan model tasmik” dengan min=4.45. Seramai 197 orang guru (40.0%) sangat bersetuju, 221 orang guru (52.4%) bersetuju berbanding hanya 4 orang guru (0.9%) kurang bersetuju. Begitu juga skor min yang ketiga tertinggi iaitu item DB3 (min=4.43) iaitu “berkemampuan dalam memperbetulkan bacaan al-Quran murid” sangat dipersetujui oleh 197 orang guru (46.7%) dan dipersetujui oleh 217 orang guru (51.4%) berbanding 4 orang guru (0.9%) kurang bersetuju, 2 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju.

Bagi item DB4 iaitu “mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid” menunjukkan nilai skor min yang paling rendah dengan nilai min=3.77. Seramai 140 orang guru (33.2%) sangat bersetuju dan 119 orang guru (28.2%) bersetuju terhadap item tersebut. Hasil analisis juga menunjukkan seramai 110 orang guru (26.1%) kurang bersetuju, seramai 35 orang guru tidak (8.3%) tidak bersetuju dan 18 orang guru (4.3%) sangat tidak bersetuju mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid”. Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan skor min tahap kesediaan ilmu pengetahuan guru j-QAF model tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.28, sp=0.689).

### **Tahap Kesediaan Kemahiran Mengajar Guru J-QAF Dalam Menjalankan Model Tasmik**

Berdasarkan jadual di bawah mendapati skor min bagi kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF dalam pengajaran model tasmik berada antara nilai 4.31 hingga 3.93. Sebanyak 5 item berkaitan kesediaan elemen kemahiran mengajar guru j-QAF model tasmik mencapai skor min yang tinggi (min=4.01) ke atas, manakala 1 item berada pada tahap sederhana tinggi (min=3.01) ke atas.

Jadual 3: Analisis deskriptif bagi kemahiran mengajar guru j-QAF Model Tasmik

No	Item	Kekerapan & Peratus(N=442)							Min	SP	INT
		STS	TS	KS	S	SS					
DB 5	melaksanakan tasmik secara individu melalui kaedah talaqqi musyafahah	1 (0.2%)	1 (0.2%)	11 (2.6%)	209 (49.5%)	200 (47.4%)			4.25	0.63	T
DB 6	membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas tasmik	1 (0.2%)	-	5 (1.2%)	216 (51.2%)	200 (47.4%)			4.28	0.75	T
DB 7	melaksanakan kaedah latih tubi/pengulangan dalam program tasmik	1 (0.2%)	4 (0.9%)	21 (5.0%)	230 (54.5%)	166 (39.3%)			4.31	0.63	T
DB 8	berkemampuan menarik minat murid mengikuti kelas tasmik	2 (0.5%)	1 (0.2%)	29 (6.9%)	262 (62.1%)	128 (30.3%)			4.21	0.61	T
DB 9	mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas tasmik	2 (0.5%)	2 (0.5%)	22 (5.2%)	281 (66.6%)	115 (27.3%)			4.19	0.59	T
DB 10	memastikan murid membawa al-Quran semasa kelas tasmik	17 (4.0%)	15 (3.6%)	59 (14.0%)	220 (52.1%)	111 (26.3%)			3.93	0.95	ST
Min	Keseluruhan pelaksanaan kemahiran mengajara guru Model Tasmik Program j-QAF								4.19	0.69	T
										5	

Sumber: Kajian Lapangan, 2013

Item DB7 “melaksanakan kaedah latih tubi/pengulangan dalam program tasmik” mencatatkan min yang tertinggi (min=4.31, sp.=0.634) iaitu seramai 166 orang guru (39.3%) sangat bersetuju, 230 orang guru (54.5%) bersetuju berbanding seramai 21 orang guru (5.0%) kurang bersetuju, 4 orang guru (0.9%) tidak bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) terhadap item tersebut.

Manakala skor min yang kedua tertinggi ialah item DB6 iaitu “membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas tasmik” dengan nilai min=4.28. Seramai 200 orang guru (47.4%) sangat bersetuju, 216 orang guru (49.3%) bersetuju membimbing bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas tasmik berbanding dengan 5 orang guru (1.2%) kurang bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju. Manakala, skor min ketiga tertinggi ialah item DB5 iaitu “melaksanakan tasmik secara individu melalui kaedah talaqqi musyafahah” berada pada nilai min=4.25. Seramai 200 orang guru (47.4%) sangat bersetuju, 209 orang guru (49.5%) bersetuju berbanding hanya 11 orang guru (2.6%) orang guru yang kurang bersetuju, 1 orang guru (0.2%) menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju terhadap bimbingan bacaan al-Quran mengikut tahap kemampuan murid secara individu semasa kelas tasmik.

Manakala, tiga item yang menunjukkan nilai min yang rendah adalah item DB10 “memastikan murid membawa al-Quran semasa kelas tasmik” dengan nilai min =3.93. Seramai 111 orang guru (26.3%) sangat bersetuju, 220 orang guru (52.1%) bersetuju berbanding 59 orang guru (14.0%)

kurang bersetuju, 15 orang guru (3.6%) tidak bersetuju dan 17 orang guru (4.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan item tersebut. Item kedua yang terendah ialah DB9 iaitu “mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas tasmik” dengan nilai min=4.19. Seramai 115 orang guru (27.3%) sangat bersetuju, 281 orang guru (66.6%) bersetuju mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas tasmik. Sebaliknya, 22 orang guru (5.2%) menyatakan kurang bersetuju, 2 orang guru (0.5%) menyatakan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Bagi item DB8 iaitu “berkemampuan menarik minat murid mengikuti kelas tasmik” berada pada nilai min=4.21 merupakan item ketiga terendah. Dapatkan menunjukkan seramai 128 orang guru (30.3%) sangat bersetuju, 262 orang guru (62.1%) bersetuju berbanding 29 orang guru (6.9%) menyatakan kurang setuju, 1 orang guru (0.2%) menyatakan tidak setuju dan 2 orang guru (0.5%) menyatakan sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Keseluruhannya, dapatkan kajian menunjukkan skor min tahap kesediaan kemahiran mengajar guru j-QAF model tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah (min=4.19, sp=0.695).

### Tahap Kesediaan Personaliti Guru J-QAF Dalam Menjalankan Model Tasmik.

Berdasarkan jadual di bawah, skor min bagi tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran model tasmik, keseluruhannya berada antara 4.47 hingga 4.11. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 6 item berkaitan kesediaan elemen pesonaliti guru j-QAF berada pada tahap tinggi (min=4.01) ke atas.

Jadual 4: Analisis deskriptif bagi personaliti guru Model Tasmik

No	Item	Kekerapan & Peratus(N=442)					Min	SP	IN T
		STS	TS	KS	S	SS			
DB1 1	sanggup melaksanakan model tasmik walaupun diluar jadual waktu rasmi	6 (1.4%)	5 (1.2%)	19 (4.5%)	236 (55.9%)	156 (37.0%)	4.25	0.72	4
DB1 2	bekerjasama dengan guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan untuk menjalankan model tasmik	90 (21.3%)	100 (23.7%)	100 (23.7%)	96 (40.0%)	4.13	0.79	5	T
DB1 3	menegur kesalahan bacaan murid secara berhemah	-	1 (0.2%)	1 (0.2%)	224 (53.1%)	196 (46.4%)	4.45	0.51	T
DB1 4	mengajarkan al-Quran kepada murid seperti anak sendiri	-	1 (0.2%)	3 (0.7%)	211 (50.0%)	207 (49.1%)	4.47	0.52	T
DB1 5	menjalankan model tasmik mengikut jadual yang ditetapkan	2 (0.5%)	-	3 (0.7%)	220 (52.1%)	197 (46.7%)	4.44	0.56	T
DB1 6	menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari	14 (3.3%)	26 (6.2%)	69 (16.4%)	102 (24.2%)	211 (50.0%)	4.11	1.09	T
Min Keseluruhan pelaksanaan personaliti Model Tasmik Program j-QAF							4.30	0.70	T
								3	

Sumber: Kajian Lapangan, 2013

Item DB14 iaitu “mengajarkan al-Quran kepada murid seperti anak sendiri” berada pada nilai paling tinggi ( $\text{min}=4.47$ ,  $\text{sp}=0.527$ ). Seramai 207 orang guru (49.1%) sangat bersetuju, 211 orang guru (50.0%) bersetuju, sebaliknya hanya 3 orang guru (0.7%) menyatakan kurang bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju dengan item tersebut. Item DB13 iaitu “menegur kesalahan bacaan murid secara berhemah” merupakan item kedua tertinggi berada pada ( $\text{min}=4.45$ ,  $\text{sp.}=0.517$ ). Seramai 196 orang guru (46.4%) sangat bersetuju, 224 orang guru (53.1%) bersetuju berbanding hanya 1 orang guru (0.2%) kurang setuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Item DB15 iaitu “menjalankan model tasmik mengikut jadual yang ditetapkan” menunjukkan min yang ketiga tertinggi ( $\text{min}=4.44$ ,  $\text{sp.}=0.564$ ). Seramai 197 orang guru (46.7%) sangat bersetuju, 220 orang guru (52.1%) bersetuju menjalankan model tasmik mengikut jadual yang ditetapkan. Manakala, 3 orang guru (0.7%) kurang bersetuju dan 2 orang guru (0.5%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Berdasarkan hasil analisis mendapati item DB16 iaitu “menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari” mencapai skor min yang terendah ( $\text{min}=4.11$ ) Seramai 211 orang guru (50.0%) sangat bersetuju, 102 orang guru (24.2%) bersetuju, manakala seramai 69 orang guru (16.4%) kurang bersetuju, 26 orang guru (6.2%) tidak bersetuju dan 14 orang guru (3.3%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Bagi item yang mencapai skor min kedua terendah bagi tahap kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran model tasmik ialah item DB12 iaitu “bekerjasama dengan guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan untuk menjalankan model tasmik” dengan nilai  $\text{min}=3.55$ . Seramai 96 orang guru (40.0%) sangat bersetuju, 100 orang guru (23.7%) bersetuju. Manakala, 100 orang guru (23.7%) menyatakan kurang bersetuju, 90 orang guru (21.3%) tidak bersetuju.

Item ketiga terendah dalam kesediaan elemen personaliti guru j-QAF dalam pengajaran model tasmik DB11 iaitu “sanggup melaksanakan model tasmik walaupun diluar jadual waktu rasmi” berada pada ( $\text{min}=4.25$ ). Seramai 156 orang guru (37.0%) sangat bersetuju, 236 orang guru (55.9%) bersetuju. Manakala, 19 orang guru (4.5%) kurang bersetuju, 6 orang guru (1.2%) sangat tidak bersetuju dan 5 orang guru (tidak bersetuju).

Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan skor min tahap kesediaan personaliti guru j-QAF model tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah ( $\text{min}=4.19$ ,  $\text{sp}=0.695$ ).

### **Tahap Kesediaan Motivasi Guru J-QAF Dalam Menjalankan Model Tasmik.**

Berdasarkan jadual di bawah, skor min tahap kesediaan elemen motivasi guru j-QAF dalam pengajaran model tasmik pada keseluruhannya berada antara nilai 4.37 hingga 3.83. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 5 item mencapai skor min yang tinggi ( $\text{min}=4.01$ ) ke atas, manakala 1 item berada pada tahap sederhana tinggi ( $\text{min}=3.01$ ) ke atas.

**Jadual 5:** Analisis deskriptif bagi motivasi guru Model Tasmik

No	Item	Kekerapan & Peratus(N=422)						Min	SP	IN T
		STS	TS	KS	S	SS				
DB 17	memberikan bimbingan berterusan kepada murid yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan kaedah dan aktiviti yang sesuai	-	-	6 (1.4%)	253 (60.0%)	163 (38.6%)	4.37	0.51	2	T
DB 18	berusaha menjalankan model tasmik walaupun jadual program di sekolah padat	-	1 (0.2%)	10 (2.4%)	249 (59.0%)	162 (38.4%)	4.35	0.53	9	T
DB 19	meneruskan model tasmik walaupun kurang mendapat penyertaan murid	2 (0.5%)	2 (0.5%)	11 (2.6%)	239 (56.6%)	168 (39.8%)	4.34	0.60	4	T
DB 20	kerap kali menyoal sama ada murid membaca al-Quran setiap hari di rumah	1 (0.2%)	4 (0.9%)	9 (2.1%)	230 (54.5%)	178 (42.2%)	4.37	0.60	2	T
DB 21	akan tetap melaksanakan model Tasmik walaupun guru tasmik lain kurang memberikan kerjasama	18 (4.3%)	36 (8.5%)	102 (24.2%)	108 (25.6%)	158 (37.4%)	3.83	1.14	7	ST
DB 22	menggunakan ruang masa yang sesuai di luar jadual waktu persekolahan (waktu pagi bagi sesi petang, waktu petang bagi sesi pagi, waktu kokurikulum) untuk menjalankan model Tasmik	9 (2.1%)	10 (2.4%)	40 (9.5%)	248 (58.8%)	115 (27.3%)	4.06	0.80	6	T
Min Keseluruhan pelaksanaan motivasi guru Model Tasmik program j-QAF								4.22	0.56	T
									7	

Sumber: Kajian Lapangan, 2013

Item DB17 iaitu “memberikan bimbingan berterusan kepada murid yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan kaedah dan aktiviti yang sesuai” merupakan item yang mencapai skor min yang tertinggi (min=4.37, sp.=0.512). Seramai 163 orang guru (38.6%) sangat bersetuju, 253 orang guru (60.0%) bersetuju. Sebaliknya hanya 6 orang guru (1.4%) kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Berdasarkan hasil analisis juga mendapati item DB20 iaitu “kerap kali menyoal sama ada murid membaca al-Quran setiap hari di rumah” mencapai skor min yang terendah (min=4.37, sp.=0.602). Seramai 178 orang guru (42.2%) sangat bersetuju, 230 orang guru (54.5%) bersetuju, manakala seramai 9 orang guru (2.1%) kurang bersetuju, 4 orang guru (9.0%) tidak bersetuju dan 1 orang guru (0.2%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut.

Item DB18 iaitu “berusaha menjalankan model tasmik walaupun jadual program di sekolah padat” merupakan item yang mencapai skor min kedua tertinggi ( $\text{min}=4.35$ ,  $\text{sp.}=0.539$ ). Seramai 162 orang guru (38.4%) sangat bersetuju, 249 orang guru (59.0%) bersetuju berbanding hanya 10 orang guru (2.4%) menyatakan kurang setuju dan 1 orang guru (0.2%) tidak bersetuju berkenaan item tersebut. Manakala item ketiga tertinggi ialah item BB40 iaitu “menggalakkan murid-murid menonton rancangan televisyen program al-Quran” menunjukkan ( $\text{min}=4.40$ ,  $\text{sp.}=0.558$ ). Seramai 182 orang guru (43.1%) sangat bersetuju, 228 orang guru (54.0%) bersetuju berbanding 9 orang guru (2.1%) kurang bersetuju dan 2 orang guru (0.5%) tidak bersetuju.

Berdasarkan hasil analisis mendapati item DB21 iaitu “akan tetap melaksanakan model Tasmik walaupun guru tasmik lain kurang memberikan kerjasama” mencapai skor min yang terendah ( $\text{min}=3.83$ ,  $\text{sp.}=1.147$ ). Seramai 158 orang guru (37.4%) sangat bersetuju, 108 orang guru (25.6%) bersetuju, manakala seramai 102 orang guru (24.2%) kurang bersetuju, 36 orang guru (8.5%) tidak bersetuju dan 18 orang guru (4.3%) sangat tidak bersetuju dengan item tersebut. Item DB22 iaitu “menggunakan ruang masa yang sesuai di luar jadual waktu persekolahan (waktu pagi bagi sesi petang, waktu petang bagi sesi pagi, waktu kokurikulum) untuk menjalankan model Tasmik” merupakan skor min kedua terendah ( $\text{min}=4.06$ ,  $\text{sp.}=0.806$ ). Seramai 115 orang guru (27.3%) sangat bersetuju, 248 orang guru (58.8%) bersetuju. Manakala, seramai 40 orang guru (9.5%) menyatakan kurang bersetuju, 10 orang guru (2.4%) tidak bersetuju dan 9 orang guru (2.1%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Keseluruhan naya, dapatan kajian menunjukkan skor min tahap kesediaan motivasi guru j-QAF model tasmik berada pada tahap tinggi dengan nilai purata min keseluruhan adalah ( $\text{min}=4.22$ ,  $\text{sp}=0.567$ ).

#### **PERBANDINGAN MIN KESEDIAAN GURU BERDASARKAN ELEMEN**

Jadual 6: Perbandingan min kesediaan guru

<b>KESEDIAAN GURU</b>	<b>MIN</b>	<b>Sp.</b>	<b>Interpretasi</b>
Ilmu Pengetahuan	4.28	0.689	Tinggi
Kemahiran Mengajar	4.19	0.695	Tinggi
Personaliti	4.30	0.703	Tinggi
Motivasi	4.22	0.567	Tinggi
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.27</b>	<b>0.392</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Kajian Lapangan, 2013

Jadual di atas menunjukkan perbandingan nilai min bagi semua elemen kesediaan guru j-QAF dalam model tasmik. Dapatkan keseluruhan menjelaskan bahawa semua elemen kesediaan berada pada tahap yang tinggi ( $\text{min}=4.30$ ,  $\text{sp.}=0.703$ ). Elemen yang mencapai skor tertinggi ialah elemen ilmu pengetahuan dengan ( $\text{min } 4.28$ ,  $\text{sp.}=0.689$ ) diikuti dengan elemen motivasi iaitu ( $\text{min } 4.22$ ,  $\text{sp.}=0.567$ ), kemahiran mengajar ( $\text{min}=4.19$ ,  $\text{sp.}=0.695$ ).

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Sebanyak 22 item yang diuji bagi menilai tahap kesediaan guru j-QAF dalam melaksanakan pengajaran model tasmik di sekolah kebangsaan. Berdasarkan dapatan kajian, mendapat sebanyak 19 item berada pada tahap tinggi, manakala 3 item berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatkan keseluruhan adalah tinggi iaitu ( $\text{min}=4.27$ ,  $\text{sp.}=0.392$ ).

Merujuk kepada dapatan kajian, elemen personaliti guru merupakan skor responden yang tertinggi. Ia berada pada min keseluruhan iaitu ( $\text{min}=4.30$ ,  $\text{sp.}=0.65$ ). Dapatkan kajian ini selari dengan pandangan Aziah Ismail & Abdul Ghani (2014) menyatakan bahawa, aspek kesediaan guru perlu dititikberatkan kerana aspek ini mempunyai pengaruh yang amat tinggi terhadap kejayaan sesuatu perubahan yang dilaksanakan mewujudkan implikasi yang penting dalam hal menyediakan guru kepada perubahan.

Item DB4 iaitu mahir dalam menilai bacaan al-Quran murid” menunjukkan nilai skor min yang paling rendah dengan nilai  $\text{min}=3.77$ . Hal ini disokong oleh Sazali et. al. (2007), yang menyatakan bahawa koperensi pengajaran guru merupakan keupayaan penguasaan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai sikap positif untuk menterjemah pengetahuan kepada suatu bentuk imej supaya murid boleh memahami dengan mudah dan boleh menggunakan dalam kehidupan sehari-hari. Kesediaan guru dalam memberikan penumpuan yang teliti semasa melaksanakan pengajaran tilawah al-Quran daripada sebarang gangguan yang terdapat pada pemikiran. Disamping itu, semasa pengajaran berlangsung, guru perlu menjaga anggota badan seperti tangan, pancaindera daripada perkara yang sia-sia, sentiasa berwuduk, mengajar dengan menghadap ke arah kiblat, duduk dengan sopan dan tenang dan berpakaian bersih dan kemas. Guru disunatkan menuaikan solat sunat sebelum mengajarkan al-Quran. (al-Nawawi, 2008).

Item DB10 “memastikan murid membawa al-Quran semasa kelas tasmik” dengan nilai  $\text{min}=3.93$ , DB9 iaitu “mengenalpasti punca murid tidak menghadiri kelas tasmik” dengan nilai  $\text{min}=4.19$  dan item DB8 iaitu “berkemampuan menarik minat murid mengikuti kelas tasmik” berada pada nilai  $\text{min}=4.21$ . Menurut Mohd Ridhuan et. al. (2014), menyatakan bahawa domain kompetensi guru terhadap pengurusan & pembelajaran di sekolah adalah seperti mampu berkomunikasi dengan pelajar secara jelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran, mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang memotivasi, mampu mengawal tingkah laku pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mampu menguruskan aktiviti berkumpulan yang berkesan.

Item DB16 iaitu “menggalakkan murid membaca al-Quran setiap hari” mencapai skor min yang terendah ( $\text{min}=4.11$ ) DB12 iaitu “bekerjasama dengan guru Pendidikan Islam dan guru akademik yang berkebolehan untuk menjalankan model tasmik” dengan nilai  $\text{min}=3.55$ . DB11 iaitu “sanggup melaksanakan model tasmik walaupun diluar jadual waktu rasmi” berada pada ( $\text{min}=4.25$ ). Disokong oleh kajian Mohd Khairuddin & Halimah (2014), mendapat bahawa tahap kepimpinan guru berada pada aras tinggi walaubagaimanapun sikap guru masih perlu dipertingkatkan. Guru al-Quran mempunyai potensi yang besar dalam memberikan nasihat yang baik seperti menunjukkan sikap yang ingin membantu dan melembutkan hati para pelajarnya. Sifat pemaaf dan lemah lembut dalam tutur kata. Disamping itu, guru perlu mendidik pelajar mempelajari al-Quran mengikut tahap para pelajarnya (al-Nawawi, 2010).

Item DB21 iaitu “akan tetap melaksanakan model Tasmik walaupun guru tasmik lain kurang memberikan kerjasama” mencapai skor min yang terendah ( $\text{min}=3.83$ ,  $\text{sp.}=1.147$ ). Item DB22

iaitu "menggunakan ruang masa yang sesuai di luar jadual waktu persekolahan (waktu pagi bagi sesi petang, waktu petang bagi sesi pagi, waktu kokurikulum) untuk menjalankan model Tasmik" merupakan skor min kedua terendah ( $\text{min}=4.06$ ,  $\text{sp.}=0.806$ ). Berdasarkan tahap kesediaan guru dimensi perkongsian tanggungjawab, mendapati guru sudi belajar daripada guru-guru lain yang mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu berada pada tahap tinggi iaitu nilai 4.62.

## **KESIMPULAN**

Pembentukan falsafah Pendidikan Islam berteraskan wahyu Allah s.w.t. Pendidikan Islam merupakan satu usaha kearah pembentukan insan yang sempurna yang akan melahirkan warganegara yang baik dan insan soleh yang membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat.(Maimun Aqsha 2009). Perlaksanaan program j-QAF ini bertujuan melahirkan seorang Muslim yang berilmu, berakhhlak mulia dan beramal soleh yang menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan hidup (BKPIG, 2007). Kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan yang disarankan dalam bidang tilawah al-Quran dan Hafazan ialah talaqqi musyafahah, tikrar, hafazan dan tasmi'. Kaedah tikrar pula ialah pelajar mengulangi beberapa kali bacaan al-Quran agar mudah diingati dan menghafaznya. (Zahiah & Mustapha, 2012). Kajian oleh Ab. Halim & Kamarul Azmi (2010), mendapati bahawa kaedah tasmik merupakan kaedah kedua yang tertinggi digunakan oleh guru pendidikan Islam semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Sebagai guru yang mengajarkan al-Quran perlulah mempersiapkan diri dalam mengamalkan adab terhadap al-Quran agar pengajaran al-Quran bukan sahaja betul daripada segi sebutan tetapi penghayatan terhadap al-Quran lebih penting diutamakan. Disamping niat mengajarkan al-Quran ikhlas mendapatkan keredaan Allah s.w.t dan menghindari daripada matlamat keduniaan dan harta benda serta berasa dirinya lebih hebat berbanding orang lain. Semoga guru j-QAF dapat melaksanakan model dengan baik bagi menghayati matlamat jangka panjang pendidikan al-Quran sebagai wawasan untuk melahirkan generasi Islam yang bukan hanya mahir membaca al-Quran dengan baik dengan mengetahui makna seterusnya mengamalkan ajaran al-Quran secara syumul dan bertamadun. Akhirnya, murid-murid hasil daripada program j-QAF menjadi insan yang soleh sehingga berlaku perubahan tingkah laku iaitu menjadi manusia yang sempurna, maju dalam pemikiran dan tindakan serta ketaatan kepada Allah s.w.t (Mohd Yusof Ahmad, 2005).

## **RUJUKAN**

- Amal Hayati. Md Noor. 2013. *Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Tilawah Al-Quran Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Nawawi 2010. *Etika Belajar & Mengajar al-Quran Terj Ahmad Asri Abu Samah*. Yamana Angle Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Al-Nawawi 2008. *Adab kepada al-Quran* Terj Ramadhan Hakim. Jasmin Enterprise. Kuala Lumpur.
- Ab. Halim Kamarul Azmi. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru. Penerbit UTM.
- Abdullah Nasih Ulwan 1981. Tarbiyat al-Awlad Fil Islam. Dar-al-Salam. Qaherah.
- Asmawati Suhid 2013. *Penelitian dan Pemahaman Terhadap Model Program j-QAF*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (2007). *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Guru Malaysia. 2006. *Pengajian Islam Major: Kursus Perguruan Lepasan Ijazah Sekolah Rendah*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Putrajaya.
- Dangiran Mustafa (2004). *Memperkasakan Pendidikan Islam*. Kertas Kerja dibentang dalam Seminar j-QAF 2004 Pada 3 – 5 Mac 2004 anjuran Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.

- Ibrahim Hashim, Misnan Jemali, Muhammad Akramin Kamarulzaman, Mohd Abdul Nasir Abdul Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Zanariah Noor, Mohd Abdul Aziz Mahmud & Hasanuddin Abd Hamid 2009. *Penilaian Perlaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia*. Laporan Projek Penyelidikan Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Zanariah Noor, Muhammad Akramin Kamarulzaman, Abdul Nasir Abdul Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi 2013. *Pelaksanaan dan Pencapaian Program j-QAF: Kajian Seluruh Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mesyuarat Ketua Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Negeri Bahagian Pendidikan Islam Kali Ke-15 Bil. 4/2012. *Pencapaian Pelaksanaan Program j-QAF Tahun 2012*. Unit Program j-QAF, KKQ dan Prasekolah.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 13/2004. *Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah*. Bertarikh 30 Disember 2004.
- Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 35/2012. *Perluasan Program j-QAF Semua Sekolah Rendah Tahun 2013*. Bertarikh 21 Disember 2012.
- Putus Perkembangan Kurikulum 2006. *Pelaksanaan Modul Khatam al-Quran*. Kementerian Pelajaran Malaysia. [http://www.sabah.edu.my/skpmtdon/notes/KHATAM\\_QURAN\\_JQAF.pdf](http://www.sabah.edu.my/skpmtdon/notes/KHATAM_QURAN_JQAF.pdf) bertarikh 28 November 2013.
- Mohd Azmir Mohd Nizah dan Mohd Azrani Asran. 2009. *Isu dan Cabaran j-QAF dalam Memperkasakan Pelajar Islam: Kajian di Sekolah Kebangsaan Datuk Hj. Baginda, Melaka*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Maimun Aqsha Lubis. 2009. *Perbandingan Antara Falsafah Pendidikan Barat dengan Falsafah Pendidikan Islam*. Fakutli Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Naim Mat Salleh 2007. *Pencapaian Tilawah al-Quran Melalui Program j-QAF Bagi Murid-Murid Sekolah Rendah Setiu*. Muaddib Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Kuala Terengganu, Jilid:V, 2007 101-120.
- Mohammad Naim Mat Salleh 2007. *Pencapaian Tilawah al-Quran Melalui Program j-QAF Bagi Murid-Murid Sekolah Rendah Setiu*. Muaddib Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Kuala Terengganu, Jilid:V, 2007 101-120.
- Norliza Hussin, Fahimah Ali Hassan, Khadijah Abdul Razak 2013. *Isu dan Cabaran Terhadap Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nashitah Abd Hamid, Zalina Ahmad Zainuddin, Latif Muhammad, Maimunah Muda, Ahmad Zaafar Ismail, Salmah Mohd Salleh, Nur Liyana Husna @ Aloha Shaari 2013. *Kajian Penilaian Impak Program j-QAF*. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Penyelidikan dan Dasar Pendidikan. 2012. Laporan *Kajian Penilaian Impak Program j-QAF*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- Sazali Yusoff, Rusmimi Ku Ahmad, Abang Hut Abang Engkeh & Zamri Abu Bakar (2007), Perkaitan antara kepimpinan instruksional terhadap sekolah berkesan. Jurnal Pengurusan LAB, 107-119.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Halimah Laji. 2014. Kepimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol. 4. Bil (Mei 2014).
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Shariza Said & Mohd Ibrahim K. Azez, 2014, Kopetensi Guru Terhadap Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran: Suatu Pendekatan Teknik Fuzzy Delphi, Jurnal Kepimpinan Pendidikan Bil. 1, Isu 3, Oktober 2014.
- Zahiah Haris & Mustapha Kamal. 2012. Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kaedah dan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan. Jurnal ATIKAN 1(2). 2011. 279-294.